

# Tradewinds mahu buka ladang di Indonesia

**B**ANGI: Tradewinds Plantation Berhad (TPB) akan mengembangkan ladang tanaman sawit ke Indonesia sebagai langkah meluaskan kawasan tanaman sawit sedia ada di negara ini untuk mengukuhkan kedudukan perniagaannya dalam sektor perladangan komoditi itu.

TPB pada masa kini dalam proses mengenalpasti lokasi strategik dan sedang membuat kajian terperinci berhubung kemungkinan membangunkan ladang sawit di Indonesia secara sendiri.

Bagaimanapun, TPB belum membuat sebarang keputusan muktamad mengenai perkara itu dan dijangkakan kajian mengenainya dapat disiapkan seawal-awalnya akhir tahun ini.

Pengarah Urusannya, Dr Radzuan Abdul Rahman dipetik berkata, perancangan itu selaras dengan pelan bagi mengukuhkan kedudukan syarikat itu sebagai syarikat perladangan sawit dalam jangka masa panjang kerana kawasan bagi penanaman komoditi itu di negara ini semakin terhad.

"TPB memilih Indonesia disebabkan kos pengurusannya masih rendah. Sebagai contoh, kos pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) di Indonesia pada ketika ini ialah kira-kira RM500 setan berbanding di Malaysia antara RM750 hingga RM800 satu tan.

Katanya, TPB akan memastikan kawasan ladang tanaman yang akan diusahakan nanti bersaiz besar supaya kos pengeluaran dapat dikurangkan.

"Pembukaan ladang sawit berkeluasan 20,000 hektar dianggar memerlukan pelaburan kira-kira RM100 juta di Indonesia," katanya selepas majlis pelancaran Tradewinds Plantation Bhd oleh Pengerusi Tradewinds Corporation, Datuk Seri Megat Najmuddin Khas dan Pengerusi TPB, Datuk Mohd Noor Ismail di Kuala Lumpur baru-baru ini.

TPB adalah gabungan antara Tradewinds Malaysia Bhd dengan Johor Tenggara Oil Palm Bhd yang diperbadankan pada 23 April 2004.

Syarikat itu adalah syarikat perladangan sawit kelima terbesar negara ketika ini dari segi keluasan hektar tanaman sawit.

- beritasawit@mpob.gov.my